

# Pemilihan Umno selepas pilihan raya

BH- 29/9/2006

## Ahli parti boleh tumpu program pembangunan negara: Pak Lah

Oleh Azman Zakaria dan Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam memutuskan pemilihan jawatan dalam parti itu tidak akan diadakan sehingga selepas pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, keputusan itu sebenarnya satu prosedur dan dasar parti yang sudah dilaksanakan dua kali sebelum ini.

"Ia terbukti dapat memberi kebaikan kepada parti untuk membolehkan semua ahli memberi perhatian sepenuhnya kepada hal berkaitan menjayakan pembangunan negara untuk kebaikan rakyat," katanya pada sidang media selepas mempekerusikan mesyuarat MT selama kira-kira tiga jam di ibu pejabat parti, di Menara Datuk Onn, di sini.

Beliau berkata, MT juga sebulat suara membuat keputusan memecat bekas Setiausaha Umno Bahagian Bandar Tun Razak, Abd Zarin Mohd Yassin daripada parti.

Katanya, Jawatankuasa Pengurusan parti membentangkan kes Abd Zarin selepas menerima laporan Jawatankuasa Disiplin parti.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad ketika ditanya perkara itu berkata, pemecatan dibuat kerana Abd Zarin memburukkan parti dan barisan kepimpinan menerusi laman web, menggunakan nama samaran, Sang Kelembai.

Katanya, kes yang dianggap kesalahan berat itu adalah yang pertama seumpamanya dalam parti.

"Lembaga Disiplin parti mencadangkan Abd Zarin diberi amaran keras dan digantung keahlian jika masih tidak menghentikan kegiatannya dan saranan itu diterima Jawatankuasa Pengurusan parti.

**“Ia dapat memberi kebaikan kepada parti untuk membolehkan ahli memberi perhatian bagi menjayakan pembangunan negara”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Presiden Umno

"Bagaimanapun, selepas laporan kes itu dibentangkan pada mesyuarat MT, semua anggota sebulat suara memutuskan Abd Zarin dipecat," katanya.

Radzi berkata, tindakan itu diharapkan memberi pengajaran kepada ahli Umno lain supaya tidak menyebarkan fitnah berhubung parti atau kepimpinannya.

Beliau berkata, mengikut peraturan parti, Abd Zarin hanya dibenarkan mengemukakan rayuan selepas tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri ketika ditanya sama ada MT membincangkan kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew yang mendakwa orang Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik berkata, perkara itu tidak dibincangkan.

"Tidak... sebab saya dah hantar surat, saya tak bawa (untuk bincang) selagi saya tak terima apa-apa jawapan daripada Kuan Yew. Surat dah hantar, cuma jawapan dari dia belum lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, MT juga membincangkan dan mahu kegiatan kebajikan, majlis amal dan ceramah berkaitan Islam Hadhari ditingkatkan khususnya pada Ramadan ini.

Beliau turut menerangkan kepada MT mengenai lawatannya ke Britain serta Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keenam (Asem 6) di Finland, Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-14 di Cuba dan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-61 di New York yang dihidirinya.